A

Mohamad Ibrahim bin Kamarudin lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–29–04 TAHUN 2017
MAT GHANI ABDULLAH PK
25 JANUARI 2018

C

Undang-Undang Perlembagaan — Tahanan pencegahan — Permohonan untuk habeas corpus — Pemohon ditangkap di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Sama ada perintah tahanan bertentangan dengan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan kehendak Akta — Sama ada kegagalan menyatakan jenis dadah dalam perintah melanggar prinsip asas dalam Menteri membuat keputusan — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 3(1), 6(1) — Perlembagaan Persekutuan perkara 149

D

E

Ini merupakan permohonan oleh pemohon untuk satu writ habeas corpus. Pemohon telah ditangkap pada 16 Ogos 2016 di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta'). Perintah tahanan telah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri bertarikh 12 Oktober 2016 mengikut s 6(1) Akta dan pemohon kini ditahan di Pusat

F

Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor untuk tempoh dua tahun bermula 12 Oktober 2016. Terdapat dua isu semasa pendengaran permohonan ini iaitu: (a) sama ada perintah tahanan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri bertarikh 12 Oktober 2016 bertentangan dengan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan kehendak Akta; dan (b) sama ada kegagalan menyatakan jenis

G

dadah di dalam perintah adalah jelas melanggar prinsip asas dalam Menteri membuat keputusan di bawah s 6(1) Akta.

Diputuskan, menolak permohonan habeas corpus:

H

(1) Mukadimah (*preamble*) Akta mematuhi syarat duluan yang ditetapkan bagi pembuatan undang-undang pencegahan. Undang-undang pencegahan yang dibuat di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk mencegah perbuatan yang menimbulkan kemudaratan kepada orang awam. Perkara 149 merupakan kuasa khas

I

parlimen bagi membuat undang-undang pencegahan yang bertujuan untuk menjaga ketenteraman awam dan mencegah perbuatan yang boleh mendatangkan kekacauan kepada public order (lihat perenggan 24–25).

(2) Tiada undang-undang di Malaysia yang digubal untuk mengawal

seorang individu sahaja. Tafsiran 'kebanyakan orang' (*substantial body of persons*) yang terdapat dalam perkara 149 dan tajuk panjang dan mukadimah Akta membawa maksud kesalahan tersebut dibuat oleh sebilangan besar orang yang jumlah pesalahnya melahirkan keperluan untuk membuat suatu undang-undang di bawah kuasa khas parlimen. Perkataan 'kebanyakan orang' membawa maksud jumlah orang yang dapat dikenali atau diketahui (*recognisable number of people*). Ketiadaan perkataan yang secara langsung menunjukkan pemohon dari substantial body of persons di dalam perintah tidak menjadikan ia tidak sah. Oleh itu, perintah tahanan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak bertentangan dengan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan juga kehendak Akta (lihat perenggan 26–27, 32 & 34).

(3) Ketiadaan jenis dadah dalam perintah tidak menjadikan perintah tahanan tersebut tidak sah. Ini kerana s 6(1) Akta sendiri tidak menghendaki jenis dadah dinyatakan dalam perintah tersebut dan juga tidak memperuntukkan apa-apa format borang bagi tujuan pengeluaran perintah tahanan. Dakwaan pemohon yang mengatakan Menteri telah bertindak secara mekanikal dan sambal lewa dan tidak menggunakan mindanya semasa mengeluarkan perintah tahanan adalah tidak bermerit dan melampau prosedur dalam mencabar Menteri dalam membuat keputusan (lihat perenggan 36 & 42).

(4) Mahkamah telah mendapati bahawa kesemua prosedur telah dipatuhi dan hak-hak pemohon tidak dinafikan. Pemohon juga tidak pernah diprejudiskan pada bila-bila masa. Segala tohmahan pemohon adalah tidak berasas, tidak bermerit dan telah dinafikan oleh responden (lihat perenggan 49–50).

[English summary

This was the applicant's application for a writ of habeas corpus. The applicant was arrested on 16 August 2016 pursuant to s 3(1) of the Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985 ('the Act'). The detention order was issued by the Deputy Minister of Home Affairs dated 12 October 2016 under s 6(1) of the Act and the applicant was detained at the Detention and Rehabilitation Centre Simpang Renggam Johor for a period of two years from 12 October 2016. There were two issues during the hearing of the application, namely: (a) whether the detention order by the Deputy Minister of Home Affairs dated 12 October 2016 in contrast with art 149 of the Federal Constitution and the intention of the Act; and (b) whether the failure to specify the drugs in the order was clearly in contravention with the basic principles in the Minister's decision under s 6(1) of the Act.

Held, dismissing the application for habeas corpus:

(1) The preamble if the act complied with the pre-requisite for the formation

of preventive laws. Preventive laws enacted under art 149 of the Federal Constitution aimed to prevent an act that could bring harm to the public. Article 149 concerned the special power of Parliament to enact preventive laws which aimed at maintaining public peace and preventing acts that could cause chaos to public order (see paras 24–25).

(2) No laws in Malaysia were enacted to regulate one individual only. The interpretation of substantial body of persons found in art 149 and the long title and the preamble of the Act meant the offence was committed by a substantial body of persons which number of offenders conceived the need to enact laws under the special power of Parliament. The words 'substantial body of persons' meant recognisable number of people. The absence words which directly showed that the applicant was 'substantial body of persons' in the order did not make it invalid. Therefore, the detention order by the Deputy Minister of Home Affairs were not in contravention with art 149 of the Federal Constitution and the intention of the Act (see paras 26–27, 32 & 34).

(3) The absence of the type of drugs in the order did not make the detention order invalid. This was because s 6(1) of the Act itself did not require the type of drugs to be specified in the said order and did not provide for any form of format for the purpose of issuing the detention order. The applicant's claim that the Minister was acting mechanically and lackadaisically and without directing his mind in issuing the detention order was devoid of merit and went beyond the procedure in challenging the Minister in making his decision (see paras 36 & 42).

(4) The court held that all the procedures were complied with and the rights of the applicant were not denied. The applicant was also, at all times, not prejudiced. The applicant's allegations with baseless, devoid of merit and were denied by the respondent (see paras 49–50).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk habeas corpus, lihat 3(2) *Mallal's Diges*t (5th Ed, 2015) perenggan 3080–3082.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Yani bin Ismail & Anor v Inspektor General of Police & Ors [2005] 4 MLJ 636, MT (dirujuk)

Kumaravel a/l Periasamy lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Dan 3 Yang Lain (Rayuan Jenayah No 05–120 Tahun 2008(A)) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Kumareshan a/l Subramaniam v Dato' Chor Chee Heung & Anor [2003] 4 MLJ 384; [2007] MLRH 607, MT (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] MLJU 667; [2005] 3 CLJ 914, MP (dirujuk)

Mohd Najib bin Yusof v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [2016] MLJU 1853; [2016] 1 MLRHU 1, MT (dirujuk)
Raja Petra Raja Kamarudin v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [2008] 1 LNS 920, MT (dirujuk)
Application of Tan Boon Liat @ Allen, Re; Tan Boon Liat v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1976] 2 MLJ 83 (dirujuk)
Teh Cheng Poh v Public Prosecutor [1979] 1 MLJ 50, PC (dirujuk)
Theresa Lim Chin Chin & Ors v Inspektor General of Police [1988] 1 MLJ 293, MA (dirujuk)
Zali bin Shariff v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [2004] 1 MLJ 480; [2004] 5 CLJ 296, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 3, 3(1), (2), (2)(b), (2)(c), (3), 4, 4(2), (3), (4), (5), (6), 5, 5(4), 6, 6(1), 9, 10, 10(1), 11C, 14
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 15
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(3), 149, 151

Najib bin Zakaria (Najib Zakaria, Hisham & Co) bagi pihak pemohon.
Siti Hajar bt Mat Radzi (Lee Wai Yi bersamanya) (Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden-responden.

Mat Ghani Abdullah PK:

LATAR BELAKANG

[1] Melalui satu notis usul oleh pemohon iaitu Mohamad Ibrahim bin Kamarudin telah memohon kepada mahkamah ini untuk satu writ harbeas corpus. Pemohon di dalam kes ini telah ditangkap di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut') pada 16 Ogos 2016. Sekarang ini pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak ('PPA') Simpang Rengam, Johor untuk tempoh dua tahun bermula pada 13 Oktober 2016.

[2] Secara ringkasnya latar belakang kes ini yang membawa kepada permohonan ini adalah seperti berikut: Setelah itu siasatan telah dibuat oleh pihak polis. Pada 28 Oktober 2016, pegawai yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara di bawah s 3(2)(c) Akta tersebut tersebut Dato Pahlawan Mohd Dzuraidi bin Ibrahim telah menyerahkan laporan hal keadaan tangkapan pemohon kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri ('TMDN') sebagai memenuhi syarat untuk membolehkan pihak polis menjalankan siasatan melebihi 14 hari.

A **[3]** Kemudiannya pada 25 Ogos 2016, pegawai penyiasat polis iaitu Insp Polis Mohd Najib bin Ibrahim @ Ismail telah menjalankan rakaman percakapan ke atas pemohon dan dibantu oleh Detektif Koperal Amran bin Abidin. Pada 23 September 2016 pegawai penyiasat menyerahkan laporan lengkap siasatan kepada TMDN dan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam
B Negeri ('KDN') sebagaimana kehendak s 3(3) Akta tersebut. Selanjutnya pada 5 Oktober 2016 Pegawai Siasatan KDN iaitu Norjamilah Shuhadah bt Tohet telah mengadakan siasatan secara fizikal terhadap pemohon.

C **[4]** Selanjutnya, pada 6 Oktober 2016 Pegawai Siasatan KDN telah menyerahkan laporan di bawah s 5(4) Akta tersebut kepada YB TMDN. Setelah meneliti laporan-laporan yang dinyatakan di atas dan setelah berpuas hati, YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed ('TMDN') telah mengeluarkan perintah tahanan bertarikh 12 Oktober 2016 menurut s 6(1) Akta tersebut
D bagi tempoh dua tahun terhadap pemohon yang berkuat kuasa pada tarikh yang sama iaitu 12 Oktober 2016 ('perintah tahanan').

[5] Pemohon juga telah menerima perintah tahanan, alasan perintah, pengataan fakta berserta tiga salinan borang untuk membuat representasi
E (Borang I) yang telah diterangkan dan diserahkan oleh Insp Polis Mohd Najib bin Ibrahim @ Ismail pada 12 Oktober 2016 pada jam 5.35 petang di Lokap Berpusat Kuala Lumpur, Jinjang, Kuala Lumpur.

[6] Kemudiannya pada 13 Oktober 2016 Pemohon telah dibawa masuk ke
F Pusat Pemulihan Akhlak ('PPA') Simpang Rengam, Johor. Pemohon telah diingatkan serta diterangkan mengenai perintah tahanan, alasan serta pengataan fakta dan juga hak untuk membuat representasi oleh Ramli bin Hussain dan diterjemahkan oleh Harun bin Musa. Pemohon kemudiannya telah menyerahkan Borang I kepada pihak PPA Simpang Rengam yang
G kemudiannya telah diserahkan kepada pihak Lembaga Penasihat pada 17 Oktober 2016.

[7] Pada 8 November 2016, pihak Lembaga Penasihat telah menghantar satu notis pendengaran representasi ('Borang II') yang ditetapkan tarikh
H pendengaran pada 22 November 2016 jam 9 pagi kepada pemohon. Walau bagaimanapun, persidangan representasi pemohon telah ditangguhkan atas permohonan peguam pemohon.

I **[8]** Berbangkit daripada penangguhan tersebut, pada 22 November 2016, Lembaga Penasihat telah sekali lagi mengeluarkan Borang II kepada pemohon yang memberitahunya mengenai tarikh persidangan baru iaitu pada 14 Disember 2016 jam 9 pagi. Pada hari yang sama persidangan representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat di PPA Simpang Rengam, Johor.

[9] Selepas itu pada 20 Disember 2016, Lembaga Penasihat telah menimbangkan representasi dan menghantar syor kepada Yang di Pertuan Agong ('YDPA') berkaitan representasi yang dibuat pemohon mengikut s 10(1) Akta tersebut dan setelah menimbangkan syor-syor Lembaga Penasihat tersebut, YDPA telah memperkenankan perintah tahanan yang dibuat oleh TMDN pada 20 Januari 2017.

PERMOHONAN

[10] Berdasarkan afidavit pemohon, alasan-alasan yang menyokong permohonan ini adalah seperti berikut:

(a) pegawai tangkapan dan pegawai lain yang terlibat dengannya telah tidak mematuhi secara ketat perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 316');

(b) pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia gagal mematuhi secara ketat peruntukan s 3(2) Akta 316 iaitu membuat autoriti penahanan lebih dari 24 jam dari tangkapan dengan memberikan alasan-alasan yang bersifat objektif dan jelas serta mencukupi;

(c) Polis Diraja Malaysia gagal mematuhi secara ketat peruntukan s 3(2)(b) Akta 316 iaitu membuat autoriti penahanan lebih dari 48 jam dari tangkapan dengan memberikan alasan-alasan yang bersifat objektif dan jelas serta mencukupi;

(d) pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia gagal mematuhi secara ketat peruntukan s 3(2)(c) Akta 316 apabila proses pelaporan yang diperuntukkan secara mandatori tidak dipatuhi secara ketat bagi menjustifikasi penahanan melebihi 14 hari. Oleh itu, secara tidak objektif dan bertindak secara tidak adil kerana mereka telahpun diberi arahan spesifik dari Timbalan Pengarah dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Bukit Aman;

(e) laporan pegawai siasatan polis di bawah s 3(3) Akta 316 adalah laporan penyiasatan yang defektif secara substantif kerana kepenggantungannya kepada kenyataan bertulis-kenyataan bertulis yang diperolehi di bawah s 4 Akta 316 dan setiap peruntukan sub-s (2) hingga sub-s (6) s 4 tersebut telah tidak dipatuhi secara ketat;

(f) jika enkuiri oleh pegawai enkuiri di bawah s 5 Akta 316 yang telah mengambilkira laporan penyiasatan polis di bawah s 3 Akta 316 yang mempunyai defek yang bersifat substantive, maka secara langsung dan tidak langsung enkuri yang berlangsung dan laporan pegawai enkuiri di bawah s 5 Akta 316 juga telah dibuat dan dijalankan dengan tidak mematuhi secara ketat peruntukan undang-undang yang ditetapkan;

(g) pegawai enkuiri di bawah s 5 Akta 316 telah tidak dilantik dengan mematuhi secara ketat peruntukan yang ditetapkan yang menjadikan ianya mandatori agar perlantikan bertulis dibuat;

(h) kepenggantungan responden-responden terhadap kepada s 14 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah tidak terpakai kecuali jika boleh dibuktikan secara objektif pendedahannya boleh menjejaskan keselamatan negara;

(i) tuduhan-tuduhan pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia bahawa pemohon ada terlibat dalam kegiatan atau aktiviti pengedaran dadah yang mengancam ketenteraman awam adalah berasaskan kepada keterangan-keterangan palsu dan berniat jahat untuk mengenakan pemohon hanya semata-mata kerana dia tinggal di kawasan yang pihak Polis Diraja Malaysia kawasan pengedaran dadah;

(j) bahawa tidak ada pematuhan ketat penyampaian dan penerangan yang boleh difahami perintah tahanan, Borang I dan Borang II kepada pemohon oleh pegawai Polis Diraja Malaysia dan pegawai penjara kepadanya;

(k) mempertikaikan proses representasi yang dijalankan ke atas pemohon di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan dan ss 9 dan 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 iaitu pegawai pengendali yang mewakili responden-responden yang merupakan pegawai polis adalah pegawai yang tidak terkecuali dan tidak berada dalam kedudukan untuk membantu pihak Lembaga Penasihat untuk memastikan proses representasi dijalankan secara efektif; dan

(l) kegagalan pihak Lembaga Penasihat untuk memaklumkan kepada keputusan DYMM Yang Dipertuan Agung ke atas representasi pemohon dengan seberapa segera telah menjejaskan penahanan pemohon di bawah s 6 Akta tersebut kerana ianya sebahagian daripada pra-syarat yang tersirat dalam menentukan sama ada penahanan ke atas pemohon boleh diteruskan melebihi tiga bulan seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

HUJAHAN PEMOHON

[11] Walaupun di dalam affidavit sokongannya, pemohon telah membangkitkan beberapa isu bagi permohonan ini. Akan tetapi di dalam hujahan bertulis dan hujahan lisan oleh Encik Najib bin Zakaria peguam yang mewakili pemohon hanya menjurus kepada two isu sahaja semasa pendengaran permohonan ini. Isu-isu tersebut ialah berkaitan pengeluaran perintah tahanan dan dasar-dasar serta fakta-fakta yang didakwa perintah tahanan didasarkan bertentangan (ultra vires) Perlembagaan Persekutuan dan mukadimah (*preamble*) Akta tersebut.

[12] Pertamanya pemohon menegaskan bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta Tersebut') adalah bertentangan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan mukadimah (preamble) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 tersebut.

[13] Keduanya, keraguan dan ketidakselarasan kepada jenis atau spesifikasi dadah, iaitu heroin yang didakwa diedarkan oleh pemohon sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri adalah tidak jelas dan melanggar prinsip asas membuat keputusan di bawah s 6(1) Akta tersebut.

[14] Untuk isu pertama, peguam pemohon mengatakan sebelum 24 Julai 1997, tajuk pendek, mukadimah, tajuk panjang di dalam sesuatu akta tidak memberi apa-apa tafsiran yang bermakna kerana peruntukan lama s 15 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 dengan jelas mengatakan ianya tidak menjadikan sebahagian daripada Akta tersebut. Akan tetapi keadaan sedemikian tidak lagi terpakai apabila pindaan dibuat dan berkuatkuasa pada 24 Julai 1997 yang mana tajuk pendek, mukadimah dan tajuk panjang menjadi sebahagian daripada Akta tersebut. Pindaan terhadap s 15 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 tersebut menyebut:

> The long title and preamble and every schedule (together with any note or table annexed to the schedules) to an Act or to any subsidiary legislation shall be construed and have effect as part of the Act or subsidiary legislation.

[15] Oleh yang demikian, peguam berhujah bahawa sejak 1997 terdapat perubahan ketara di dalam setiap perundangan yang melibatkan tahanan pencegahan yang mana ruang lingkup atau skop undang-undang sedemikian hanya terhad atau tertumpu kepada kebanyakkan orang (*substantial body of person*). Dengan kata lain aktiviti oleh seseorang individu tidak boleh dianggap di dalam ruang lingkup dan skop pemakaian undang-undang pencegahan.

[16] Pemohon mendakwa bahawa berdasarkan affidavit Timbalan Menteri Dalam Negeri yang melampirkan alasan dan penyataan fakta-fakta ('eksh NJ1') menunjukkan bahawa pemohon telah bertindak sendirian tanpa penglibatan dari mana-mana orang. Affidavit itu menyebut:

> Pengataan-Pengataan Fakta Yang Atasnya Perintah Itu Diasaskan
>
> 1. Bahawa kamu didapati terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya jenis Heroin sejak awal bulan Jun 2015 hingga bulan April 2016 secara tidak berterusan di sekitar kawasan Rumah Panjang Jinjang Utara, Jinjang, Kuala Lumpur.
> 2. Bahawa kamu didapati menjual dadah berbahaya jenis Heroin dalam bentuk peket berharga RM50.00 sepeket.

[17] Pihak pemohon memohon agar mahkamah ini menggunapakai pendekatan yang diputuskan oleh hakim di dalam *Mohd Najib bin Yusof v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [2016] MLJU 1853; [2016] 1 MLRHU 1 yang memakai pendekatan berdasarkan penyataan fakta sama ada pentingnya terdapat penglibatan dari seorang.

[18] Bagi isu kedua pula, peguam pemohon menghujahkan bahawa dengan ketiadaan jenis dadah iaitu heroin di dalam perintah tahanan tersebut jelas menunjukkan Timbalan Menteri berkenaan telah bertindak secara mekanikal dan sambil lewa. Bagi isu ini peguam telah merujuk kepada kes *Kumareshan a/l Subramaniam v Dato' Chor Chee Heung & Anor* [2003] 4 MLJ 384; [2007] MLRH 607 yang memutuskan perkataan 'adalah penting demi ketenteraman awam' adalah bahagian penting di dalam perintah itu sendiri.

[19] Oleh itu, pemohon menghujahkan bahawa prinsip yang dihuraikan dalam kes *Kumareshan Subramaniam* patut diterima pakai dalam kes kita sekarang ini.

DAPATAN MAHKAMAH

Sama ada perintah tahanan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri bertarikh 12 Oktober 2016 bertentangan dengan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan juga kehendak ADB (LLPK) 1985

[20] Sebelum mendalami isu ini ada baiknya dirujuk peruntukan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

> 149 Legislation against subversion, action prejudicial to public order, etc.
>
> (1) If an Act of Parliament recites that action has been taken or threatened by any substantial body of persons, whether inside or outside the Federation —
>
> (a) to cause, or to cause a substantial number of citizens to fear, organized violence against persons or property; or
>
> (b) to excite disaffection against the Yang di-Pertuan Agong or any Government in the Federation; or
>
> (c) to promote feelings of ill-will and hostility between different races or other classes of the population likely to cause violence; or
>
> (d) to procure the alteration, otherwise than by lawful means, of anything by law established; or
>
> (e) which is prejudicial to the maintenance or the functioning of any supply or service to the public or any class of the public in the Federation or any part thereof; or
>
> (f) which is prejudicial to public order in, or the security of, the Federation or any part thereof,

any provision of that law designed to stop or prevent that action is valid notwithstanding that it is inconsistent with any of the provisions of Article 5, 9, 10 or 13, or would apart from this Article be outside the legislative power of Parliament; and Article 79 shall not apply to a Bill for such an Act or any amendment to such a Bill.

(2) A law containing such a recital as is mentioned in Clause (1) shall, if not sooner repealed, cease to have effect if resolutions are passed by both Houses of Parliament annulling such law, but without prejudice to anything previously done by virtue thereof or to the power of Parliament to make a new law under this Article.

[21] Berdasarkan mukadimah yang terdapat di dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 jelas menunjukkan bahawa punca kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 diasaskan dari perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan perkara 149 merupakan kuasa khas Parlimen untuk membuat suatu undang-undang bagi menentang perbuatan subversif, keganasan terancang, dan perbuatan dan jenayah yang memudaratkan orang awam dan kuasa darurat. Parlimen mempunyai kuasa perundangan sebagaimana yang telah ditetapkan kepadanya melalui teori pengasingan kuasa (*the theory of separation of powers*). Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan boleh dirujuk sebagai punca kuasa untuk Parlimen membuat undang-undang pencegahan seperti Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Syarat duluan yang membolehkan Parlimen membuat undang-undang di bawah kuasa khasnya di bawah perkara 149 ialah suatu mukadimah yang menunjukkan bahawa tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam telah berlaku.

[22] Bagi menyokong pandangan di atas petikan buku *The Constitution of Malaysia* oleh *Sheridan and Graves* dirujuk di ms 594–595 diperturunkan seperti berikut:

This provision, in comparatively few words, gives great powers of government to Parliament when Parliament chooses to exercise those powers. Parliament's Act must 'recite' that action has been taken or threatened. The actions or threats which could give rise to such recitation appear as broad as language could provide for. The body of persons should be 'substantial'; but 'substantial' is not defined. This body can be anywhere in the world. They need only cause fear, not actual harm, to a substantial number of citizens' — again not defined ...

[23] Di dalam kes di Privy Council, *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 50 telah diputuskan 'in an extensive exegesis, has found some limits to the scope of this article. Lord Diplock, giving Their Lordships' opinion said at p 54: 'The Article is quite independent of the existence of a state of emergency. *On the face of it the only condition precedent to the exercise by Parliament of the extended legislative powers which it confers is the presence in the*

Act of Parliament of a recital stating that something had happened in the past viz, that action of the kind described 'has been taken or threatened'. It is not even a requirement that such action should be continuing at the time the Act of Parliament is passed. Clause (2) of the Article provides expressly that the law shall continue in force until repealed or annulled by resolutions of both Houses of Parliament. Their Lordships see no reason for not construing these words literally. *The purpose of the Article is to enable Parliament, once subversion of any of the kinds described has occured, to make laws providing not only for suppressing it but also for preventing its recurrence*'.

[24] Apabila meneliti Akta tersebut, mahkamah ini sehaluan pandangan dengan hujahan peguam persekutuan bagi pihak pihak responden bahawa mukadimah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 sememangnya mematuhi syarat duluan yang ditetapkan bagi pembuatan undang-undang pencegahan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulisan *Sheridan and Graves* dan kes *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor*.

[25] Adalah tepat seperti dihujahkan oleh peguam persekutuan bahawa undang-undang pencegahan yang dibuat di bawah perkara 149 bertujuan untuk mencegah perbuatan yang menimbulkan kemudaratan kepada orang awam. Dalam kes kita sekarang ini, pihak responden menghujahkan bahawa perbuatan mengedar dadah menimbulkan keperluan mustahak untuk mengadakan undang-undang pencegahan dan parlimen telah mengambil kira kepentingan awam sebelum suatu undang-undang yang dibuat di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan diluluskan. Oleh itu, perkara 149 Perlembagaan Persekutuan merupakan suatu kuasa khas atau punca kuasa Parlimen bagi membuat undang-undang pencegahan yang bertujuan untuk menjaga ketenteraman awam dan mencegah apa-apa perbuatan yang boleh mendatangkan kekacauan kepada *public order*.

[26] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan peguam persekutuan bahawa tafsiran 'kebanyakkan orang' (*substantial body of persons*) yang terdapat dalam perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan tajuk panjang dan mukadimah Akta ADK (LLPK) 1985 tidak memberi maksud seseorang tahanan perlu melakukan kesalahan dalam kumpulan yang besar seperti dalam suatu organisasi atau persatuan, tetapi membawa maksud kesalahan tersebut dibuat oleh sebilangan besar orang yang jumlah pesalahnya melahirkan keperluan untuk membuat suatu undang-undang di bawah kuasa khas Parlimen. Adalah tepat saranan peguam persekutuan bahawa perkataan 'kebanyakkan orang' (*substantial body of persons*) juga membawa maksud jumlah orang yang dapat dikenali atau diketahui (*recognisable number of people*).

[27] Mahkamah ini juga dapati tiada satupun undang-undang di Malaysia

digubal untuk mengawal seorang individu sahaja. Sebagaimana nas yang dirujuk oleh responden iaitu *Theresa Lim Chin Chin & Ors v Inspektor General of Police* [1988] 1 MLJ 293 perenggan H (kiri) hingga perenggan F (kanan) di ms 296, Mahkamah Agung telah memutuskan seperti yang berikut:

> The next argument is that in view of Article 149, the ISA should be limited to communist insurgencies alone. To support this proposition, we were invited to refer to paragraph 174 of the Reid Commission Report and to the speeches made by the late Prime Minister Tun Abdul Razak when moving the motion in Parliament to pass the Internal Security Bill. *There had been some arguments as to whether or not it is proper for the court to advert to these documents. In our view, there is no hard and fast rule about this, and certainly the courts in this country, as well as the United Kingdom, admit such reference but it is clear from the practice of the court that such reference is only to appreciate the legislative history of an Act, and it cannot be regarded as the basis or the determining factor for interpreting the Act or any provision of the Act. If we do that, the court will cease to be the ultimate interpreters of law because in the end what is law is guided by what the politicians said in Parliament and indeed this has been asserted recently.* For this purpose, we would like to refer to a statement by Cummning-Bruce LJ in *R v Hosemball* [1977] 1 WLR 767 pp 787–788:
>
> > There are two other grounds relied upon by the appellant. One is founded upon a statement made by the Secretary of State for Home Affairs on the floor of the House of Commons to which we have been referred. It was suggested, as I understand it, that such rights as Mr. Hosenball might have having regard to the scrutiny of the Act might be enlarged by the statement of the Secretary of State in the House of Commons. I cannot accept as a matter of constitutional law and principle that where the rights of the subject or of a resident have been dealt with in an Act of Parliament a statement made by a minister in Parliament can have the effect of enlarging those statutory rights. The danger of assenting to such a doctrine is obvious. If a minister can enlarge the rights of a subject as laid down in an Act of Parliament by a statement on the floor of the House, it is but a shortstep to say that it is constitutional for a minister to restrict the rights of a subject by making a statement on the floor of the House. By our constitution, it is Acts of Parliament and not the acts of ministers, save when authorised by Act of Parliament or under prerogative, that define the rights of subjects or of residents.

[28] Selanjutnya prinsip yang sama digunapakai di dalam kes *Ahmad Yani bin Ismail & Anor v Inspektor General of Police & Ors* [2005] 4 MLJ 636 yang memutuskan bahawa suatu mukadimah hanyalah menjadi panduan kepada tujuan suatu Akta itu dibuat yg diputuskan di Mahkamah Tinggi. Di perenggan 12–13 di ms 649 kes tersebut memutuskan:

> [12] *The recital or preamble provides merely a guide as to the object of the ISA 1960*. In invoking s 8 the Minister has to be satisfied that the association of the applicants to certain bodies have to be prevented in order to achieve the object of the Act, that is, to prevent subversion or conduct which would be prejudicial to the security of Malaysia.

A [13] *The ancient adage 'prevention is better than cure' is perhaps an oversimplified description but this part of the argument relating to the actual evidence of substantial body of persons is to my mind untenable. If indeed the Minister were to have to wait until substantial persons have taken action against the Federation I am certain that it is not only the ISA 1960 but other legislation which would have to be invoked*.

B

[29] Di perenggan 18 ms 651 dinyatakan;

[18] It would lead to absurdity that every time a detention is made it must be proven that there is a threat from a substantial body of persons taking action and which action is causing fear or organized violence. *The long title to the Act states inter alia that the Act is to provide for 'preventive detention'. It covers therefore not merely present activities of persons but also certain past activities.*

C

[30] Rujukan juga dibuat kepada kes *Re Application of Tan Boon Liat @ Allen; Tan Boon Liat v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1976] 2 MLJ 83. Isu yang berbangkit dalam kes ini adalah sama ada kesalahan mengedar dadah jatuh di bawah *preamble* Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969. Mahkamah telah memutuskan seperti berikut iaitu di perenggan F hingga I (kiri) ms 84:

D

E

The principle that legislation dealing with the liberty of the subject must be construed, if possible, in favour of the subject and against the executive has no relevance in dealing with an executive measure by way of preventing a public danger when the safety of the State is involved. This view was clearly stated in *Liversidge v Anderson* [1942] AC 206 219251280 and i refer in particular to the speeches of Viscount Maugham (at p 219), Lord Macmillan (at p 251) and Lord Romer (at p 280) when he observed:

F

It was, indeed, said on behalf of the appellent in *Greene*'s case that where an Act of Parliament is capable of more than one construction, the courts will adopt the construction which is the least likely to lead to any invasion of the liberty of the subject. That in general is a very salutary rule, but we are dealing herewith an Act passed and regulations made under it in times of a great national emergency, and in view of this circumstances and of the objects which the Act and those regulations so plainly had in view, the courts should, in my opinion, prefer that construction which is the least likely to imperil the safety of this country.

G

H

[31] Pada ms 85, perenggan F hingga H (kiri) mahkamah turut menyatakan:

Although the preamble is a part of a statute, it is not an operating part thereof. The aid of the preamble can be taken only when there is some doubt about the meaning of the operative part of the statute. The preamble undoubtly throws light on the intent and design of the enacting authority and indicates the scope and purpose of the legislation itself but it should not be read as a part of a particular section of that written law. *Where the enacting law is explicit and unambiguous the preamble cannot be resorted to, to control, qualify or restrict it.* The enacting words of the statute are not

I

always to be limited by the words of the preamble and must in many instances go beyond it, and where they do so, they cannot be cut down by reference to it. It is accordingly clearly settled law that the preamble cannot restrict the enacting part of a statute though it may be refferred to for the purpose of solving an ambiguity.

[32] Pada hemat saya ketiadaan apa-apa perkataan yang secara langsung menunjukkan pemohon dari kumpulan besar orang (*substantial body of persons*) di dalam perintah tersebut tidak akan menjadikan ia tidak sah. Malahan apabila diteliti perkataan yang digunakan di dalam perintah itu sendiri di dalam kes di hadapan kita sekarang ini menyebut 'melibatkan pengedaran dadah berbahaya' adalah memberi konotasi bahawa pengedaran melibatkan kumpulan orang atau orang lain dan bukannya pemohon seorang sahaja. Adalah tidak masuk akal apabila digunakan perkataan mengedar itu bermaksud pemohon mengedar dadah berbahaya kepada diri sendiri dan tidak melibatkan pihak lain. Semestinya dia mengedar kepada orang atau kumpulan lain. Selain itu, mahkamah boleh mengambil notis kehakiman bahawa aktiviti pengedaran dadah berbahaya seperti jenis heroin ini sudah tentu melibatkan pembekal yang membekalkan dadah berbahaya kepada pengedar dan pengedar menjualnya kepada pembeli dadah jenis heroin ini. Oleh itu, urusan ini sudah tentu melibatkan sekumpulan orang.

[33] Oleh itu, suatu mukadimah tidak boleh dilihat sebagai suatu sekatan kepada maksud sebenar suatu Akta dibuat dan pemohon tidak boleh menggunakan mukadimah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 sebagai limitasi kepada pelaksanaan Akta tersebut.

[34] Harus diingatkan juga bahawa perintah tersebut dikeluarkan oleh Menteri berdasarkan pengataan fakta dan alasan yang mana kedua-duanya telah dibekalkan kepada pemohon. Maka pemohon tidak diprejudiskan dan tidak terkeliru. Maka saya mendapati perintah tahanan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri bertarikh *12 Oktober 2016* tidak bertentangan dengan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan juga kehendak ADB (LLPK) 1985.

Sama ada kegagalan menyatakan jenis dadah di dalam perintah adalah kabur (tidak jelas) melanggar prinsip asas dalam menteri membuat keputusan di bawah s 6(1) Akta

[35] Menurut s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ('Akta 316'). Peruntukan s 6(1) Akta tersebut diperturunkan semula seperti yang berikut:

6 Kuasa memerintahkan tahanan dan sekatan orang

(1) Jika Menteri, selepas menimbangkan —

A (a) laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen 3(3); dan

(b) laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen 5(4),

berpuas hati berkenaan dengan mana-mana orang bahawa orang itu pernah ada
B atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam orang itu perlu ditahan, melalui perintah (kemudian daripada ini disebut 'perintah tahanan') mengarahkan supaya orang itu ditahan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

C

[36] Berdasarkan pembacaan peruntukan s 6(1) Akta tersebut, saya bersetuju dengan hujahan peguam persekutuan bahawa ketiadaan jenis dadah di dalam perintah berkenaan tidak menjadikan perintah tahanan tersebut tidak sah. Ini kerana s 6(1) Akta ini sendiri tidak menghendaki apakah jenis dadah
D perlu dinyatakan ke dalam perintah tersebut. Malahan juga Akta itu sendiri tidak memperuntukkan apa-apa format borang bagi tujuan pengeluaran perintah tahanan di bawah s 6(1) Akta, maka ini bermakna tiada apa-apa borang statutori yang perlu dipatuhi atau untuk diterimapakai. Oleh yang demikian, tiada keperluan di bawah s 6(1) Akta bagi Menteri untuk
E menyatakan secara khusus dalam perintah tahanan apa jenis dadah yang berkaitan dengan aktiviti pengedaran dadah oleh pemohon.

[37] Selain itu, harus diingatkan juga alasan-alasan ke atas perintah itu
F dibuat perlu dibaca bersama dengan perintah tahanan tersebut. Alasan-alasan yang dibekalkan itu dengan jelas mengandungi atau menyatakan jenis dadah, masa, tempoh dan tempat aktiviti pengedaran dadah. Oleh itu, bagaimana pemohon boleh mendakwa ketiadaan nama atau jenis dadah dalam perintah telah menjejaskan hak asasi pemohon. Ini kerana pemohon telahpun tahu jenis
G dadah yang dia terlibat di dalam alasan tersebut.

[38] Saya bersetuju dengan saranan peguam persekutuan bahawa sesuatu perintah yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah s 6(1) Akta adalah merupakan formaliti pemakluman sesuatu keputusan atau perintah Menteri
H yang mana tidak perlu mengandungi jenis dadah, masa, tempoh dan tempat aktiviti pengedaran. Ini kerana alasan-alasan yang mana perintah itu diasaskan dibekalkan bersama telah menyatakan kesemua perkara ini.

I **[39]** Pemohon berhujah dengan ketiadaan jenis dadah secara spesifik dinyatakan di dalam perintah tahanan tersebut ia menunjukkan Timbalan Menteri Dalam Negeri telah bertindak secara mekanikal dan sambil lewa dan tidak menggunakan mindanya semasa mengeluarkan perintah tahanan. Oleh itu, ia tidak memuaskan hati Timbalan Menteri Dalam Negeri tersebut.

[40] Meneliti kepada fakta dalam kes ini, jelas menunjukkan bahawa pada 23 September 2016, Menteri telah menerima laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan di bawah sub-s 3(3) Akta tersebut iaitu Insp Polis Mohd Najib bin Ibrahim @ Ismail dan juga penerimaan laporan pegawai siasatan yang dikemukakan di bawah sub-s 5(4) Akta tersebut oleh Pegawai Siasatan KDN, Puan Nor Jamilah Shuhadah bt Tohet pada 6 Oktober 2016. Tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan s 6(1) Akta tersebut. Pernyataan afidavit yang dimaksudkan adalah dari afidavit jawapan Datuk Nur Jazlan bin Mohamed di perenggan 8 (ms 3) seperti yang berikut:

> 8. Setelah meneliti laporan-laporan tersebut, saya berpuas hati bahawa Pemohon pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan dengan pengedaran dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952.

[41] Selanjutnya Menteri juga telah mengarahkan penolong setiausaha beliau untuk menyediakan dokumen-dokumen bagi perintah tahanan dan alasan-alasan ke atas perintah itu dibuat, dan dengan jelas Menteri berpuas hati serta telah menggunakan mindanya dalam mengeluarkan perintah tahanan terhadap pemohon yang mengambilkira dua laporan tersebut. Perkara ini dinyatakan dalam pernyataan yang dideposkan oleh Menteri di perenggan 12 afidavit jawapan beliau seperti berikut:

> 12. Saya ingin menyatakan bahawa semua tindakan yang diambil adalah menurut kuasa dalam peruntukan undang-undang. Saya selanjutnya menyatakan bahawa, setelah meneliti laporan lengkap penyiasatan pegawai polis dan laporan lengkap Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri serta dokumen-dokumen yang terkandung dalam fail kes Pemohon, saya telah menggunakan minda saya dan saya telah berpuas hati bahawa Pemohon pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) iaitu mengedar dadah berbahaya jenis Heroine yang seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Bahagian III, Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234). Saya memutuskan demi kepentingan ketenteraman awam Pemohon perlu ditahan di bawah Akta tersebut. Saya tidak dapat menzahirkan fail kes Pemohon kerana berpendapat dengan berbuat demikian bertentangan dengan kepentingan Negara menurut s 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan undang-undang tersebut.

[42] Oleh itu, dakwaan pemohon yang mengatakan Menteri bertindak secara mekanikal dan sambil lewa dan tidak menggunakan mindanya semasa mengeluarkan perintah tahanan tersebut adalah sama sekali tidak bermerit dan melampau prosedur dalam mencabar kepuasan hati Menteri di dalam membuat keputusan. Affidavit jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri perenggan 8 di atas dengan jelas menyatakan Menteri telah berpuas hati bahawa pemohon terlibat dengan aktiviti pengedaran jenis heroin dan telah

mengarah penolong setiausaha beliau untuk sediakan dokumen bagi perintah tahanan.

[43] Mesti diingatkan juga bahawa pengeluaran sesuatu perintah tahanan sesuatu adalah tertakluk kepada budi bicara Menteri. Seksyen 11C Akta tersebut dengan jelas memperuntukkan bahawa kajian semula kehakiman tidak boleh diadakan untuk mencabar budi bicara Menteri kecuali apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara Akta. Di dalam kes ini mahkamah dapati tiada apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan apa-apa tatacara telah berlaku.

[44] Dengan dapatan ini mahkamah tidak dapat menerima pendekatan yang diputuskan di dalam kes *Raja Petra Raja Kamarudin v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [2008] 1 LNS 920 yang telah dirujuk oleh peguambela pemohon. YA hakim di dalam kes tersebut telah memberi penekanan kepada pembuktian bahawa pemohon dalam kes tersebut merupakan anggota kepada suatu pertubuhan yang merancang untuk menjatuhkan kerajaan. Ini adalah suatu pentafsiran yang terkhilaf berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan sebelum ini. Ini kerana sebagaimana hujahan peguam persekutuan, pendekatan oleh YA di dalam kes berkenaan telah melanggar prinsip yang telah digariskan dalam kes *Theresa Lim*, *Ahmad Yani bin Ismail & Anor* dan juga kes *Re Application of Tan Boon Liat* iaitu berkenaan dengan fungsi mukadimah dalam suatu undang-undang.

[45] Mahkamah ini sehaluan pandangan dengan hujahan peguam persekutuan bahawa kes *Mohd Najib Yusof* yang dirujuk oleh pemohon juga adalah tidak relevan memandangkan isu tersebut bukanlah penyebab utama permohonan pemohon dalam kes tersebut dibenarkan. Ini kerana perkara yang dibangkitkan dan dinyatakan oleh pemohon bagi kes tersebut ternyata menyebelahi pihak responden memandangkan YA Dato' Zulkifli Bakar bersetuju bahawa interpretasi yang digunakan dalam pengataan fakta ke atas perintah itu dibuat adalah selari dan merujuk kepada pembekal atau pengedar dalam skala yang besar bagi pengedaran dadah.

[46] Memang tepat hujahan peguam persekutuan bahawa ketiadaan perkataan tertentu secara spesifik dalam sesuatu perintah di bawah undang-undang pencegahan tidak menjejaskan keabsahan perintah itu. Sebagai pendoman kepada dapatan dirujuk kes *Kumaravel a/l Periasamy lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Dan 3 Yang Lain* (Rayuan Jenayah No 05–120 Tahun 2008(A)) (tidak dilaporkan) di mana isu berhubung dengan ketinggalan perkataan-perkataan '... bagi kepentingan ketenteraman awam' dalam perintah tahanan boleh dikira sebagai suatu ketidakpatuhan prosedur. Kes ini kemudiannya telah dirayu di peringkat Mahkamah Persekutuan dan bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi

yang antara lain memutuskan seperti berikut:

> ... kesilapan pemilihan perkataan-perkataan atau ketinggalan ayat-ayat yang tidak menurut perkataan-perkataan dalam Akta bukanlah terjumlah kepada suatu kecacatan prosedur ... (ms 9 para 15).

[47] Pandangan ini juga dizahirkan di dalam kes yang diputuskan oleh YA Heliliah Mohd Yusof (HMT masa itu) dalam kes *Zali bin Shariff v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [2004] 1 MLJ 480; [2004] 5 CLJ 296 yang merupakan satu kes melibatkan perintah tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 316'). Dalam kes ini, *isu yang berbangkit adalah sama ada perintah tahanan tersebut adalah tidak sah apabila dalam perintah tersebut tidak dinyatakan perkataan 'bagi kepentingan awam untuk menahan tahanan' sejajar dengan s 6 Akta 316* dan mahkamah telah memutuskan:

> *The above passage show that mere surplusage of words or mere omission would not automatically render the order defective*. In the instant case before me the question is the effect of an alleged omission or the absence of words in the recital part of the order. In my view, however, when one uses the word 'order' in a general sense it may be misleading. The word 'order' has been used to indicate that this is the 'act' done by a Minister and hence a term found in the legislation that is the 1985 Act.

[48] Selanjutnya di ms 311, YA turut membuat kesimpulan dalam keputusannya dengan merujuk kepada dapatan dalam kes *Karam Singh*:

> In my view this is also the basis of the finding in *Karam Singh*'s case in that the *defect if any in the detention order in setting out the objects and purposes of the detention in the alternative was a defect of form only and not of substance and that it did not show that the executive had not adequately applied its need to the desirability of detaining the appellant and therefore did not invalidate the order*.

[49] Berdasarkan kesemua fakta ringkas yang dinyatakan di atas dan afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak responden, mahkamah ini mendapati bahawa tiada ketidakpatuhan prosedur yang telah dilakukan oleh pihak responden di dalam kes ini. Adalah jelas kedudukan undang-undang bahawa isu ketidakpatuhan prosedur adalah merupakan satu-satunya isu yang boleh dicabar di dalam permohonan habeas corpus dan bukannya atas alasan lain lagi. Mahkamah hanya boleh melihat sama ada terdapatnya ketidakpatuhan prosedur sahaja dan mahkamah tidak boleh membuat prosedur. Ini jelas dihuraikan di dalam keputusan kes oleh Mahkamah Persekutuan, *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] MLJU 667; [2005] 3 CLJ 914 terutamanya *di ms 918 di ruangan diputuskan 3* di ikatan otoriti responden-responden:

> [3] Mahkamah harus memberi kesan kepada pindaan-pindaan itu. Jadi dalam suatu permohonan habeas corpus di mana perintah penahanan seorang Menteri telah

dibuat di bawah seksyen 4(1) Ordinan itu atau di bawah peruntukkan yang serupa dalam ISA 1960 atau Akta DD (SPM) 1985, *perkara pertama yang harus dikenalpasti ialah samada alasan yang dimajukan adalah satu yang jatuh di bawah maksud tidak menuruti sebarang keperluan prosedur ... Bukan tugas Mahkamah mendirikan keperluan prosedur memandangkan bukanlah fungsi mahkamah membuat undang-undang atau kaedah. Jika tidak wujud sebarang keperluan prosedur maka persoalan menuruti sebarang keperluan prosedur tidak wujud*.

KEPUTUSAN

[50] Setelah menimbang notis usul dan afidavit-afidavit dikemukakan dan meneliti hujahan-hujahan pihak-pihak, mahkamah ini mendapati bahawa kesemua keperluan prosedur telah dipatuhi dan hak-hak pemohon tidak sesekali dinafikan dan pemohon tidak pernah diprejudiskan pada bila-bila masa. Segala tohmahan pemohon adalah tidak berasas, tidak bermerit dan telah dinafikan oleh pihak responden. Dengan ini diputuskan bahawa permohonan habeas corpus ini ditolak.

Permohonan habeas corpus ditolak.

Dilaporkan oleh Fatin Mohd Ismail